

Berita Bandara

Berita Bandara boleh dilayari di www.dbkl.gov.my

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Program Mesra Rakyat



YB Tan Sri Dato' Hj. Mohd. Isa bersalaman dengan salah seorang warga kota yang menghadiri sesi dialog Program Mesra Rakyat. - Gambar Berita Bandara

Biro Pengaduan Awam (BPA) Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengadakan Program Mesra Rakyat di Kuala Lumpur iaitu satu program perjumpaan antara Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan Ketua-Ketua Masyarakat, Persatuan-Persatuan Penduduk, Persatuan-Persatuan Penjaja, Badan-Badan Bukan Kerajaan dan seumpamanya untuk membuat tinjauan terhadap masalah yang mereka hadapi.

Program Mesra Rakyat peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diadakan pada hari Ahad, 23 Mei 2004 bertempat di Auditorium DBKL, Jalan Raja Laut Kuala Lumpur. Program tersebut telah dirasmikan dan dipengerusikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tan Sri Dato' Seri Utama Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj Abdul Samad.

Pada sesi ini yang dihadiri lebih 400 warga kota pelbagai peringkat telah direkodkan dan DBKL selaku pengguna tempat telah membantu menyelesaiannya dalam tempoh terbatas kecuali masalah yang memerlukan siasatan yang rapi. Pada kesempatannya permasalahan yang dihadapi oleh warga kota iaitu pembanian asas, infrastruktur, kutipan sampah yang tidak beraturan, hak milik strata, penjaja, lesen peniaga dan pendatang asing.


Dialog yang memakan masa lebih dua jam itu telah dihadiri oleh 25 jabatan kerajaan termasuk Jabatan Tanah dan Galian

Wilayah Persekutuan (PTG), Perbadanan Urus Air Selangor Berhad (PUAS), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Imigresen, Badan bukan kerajaan (NGO), Alam Flora Sdn. Bhd dan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

"Walaupun sebahagian besar aduan yang diterima dan yang dikemukakan oleh warga kota pada majlis ini membabitkan DBKL, ianya tidak menggambarkan serta bukan kayu pengukur mementukan keberkesanan DBKL menjalankan tugas selama ini", kata YB Tan Sri Hj. Mohd. Isa. YB bagaimanapun berkata, aduan-aduan yang diterima akan diselesaikan seberapa segera. Namun, ada juga aduan yang memerlukan masa untuk diselesaikan kerana ianya membabitkan dasar, undang-undang, peruntukan dan agensi lain.

DBKL sedar penduduk amat mengharapkan DBKL dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik justeru itu, dengan adanya program seumpama ini secara tidak langsung DBKL akan terus memperbaiki kekurangan dan kelemahan yang ada.

Program ini mencerminkan sikap mesra rakyat dan komitmen Kerajaan untuk memberi peluang secara dekat kepada orang awam untuk membuat laporan secara terus tentang masalah yang mereka hadapi dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua pihak.



Antara warga kota dan tetamu yang hadir - Gambar Berita Bandara

Dari Meja Datuk Bandar



DBKL – TEMPAT MELEPASKAN GERAM?

Biro Pengaduan Awam dengan kerjasama DBKL telah mengadakan sesi dialog dengan warga kota di Auditorium DBKL pada 23 Mei 2004 bersamaan dengan hari Ahad.

Perjumpaan ini telah dipengerusikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tan Sri Hj Mohd Isa Bin Hj Abdul Samad. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Zulhasnan Rafique, Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam, Encik Khalid Ibrahim, Ketua Pengarah DBKL, Datuk Ruslin Hasan dan para pegawai dari DBKL, jabatan dan agensi kerajaan dan swasta yang berperanan secara langsung dengan Kuala Lumpur.

Sesi dialog ini telah dihadiri seramai 400 orang terdiri dari warga kota dan pihak-pihak yang berminat dengan perkembangan yang berlaku di Kuala Lumpur.

Saya berada di Birmingham untuk urusan rasmi pada masa itu tetapi saya diberitahu banyak perkara menarik telah berlaku semasa sesi itu berlangsung. Sebahagian daripada soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah bernalas dan perlu diberi perhatian. Malangnya, terdapat segelintir individu yang mengambil peluang ini menjadikan DBKL sebagai tempat melepaskan geram!

Kebanyakan daripada isu yang berbangkit seperti pembuangan sampah, pendatang tanpa izin, lampu dan hakmilik strata tidak berada di bawah pengawasan DBKL secara langsung sebaliknya membabitkan pelbagai jabatan dan agensi lain termasuk swasta.

Daripada pelbagai isu yang dilontarkan, jelas menunjukkan bahawa ramai yang tidak memahami fungsi sebenar DBKL mahupun agensi kerajaan yang lain. Memandangkan DBKL merupakan agensi pentadbir bandar raya, maka orang ramai menganggap bahawa DBKL bertanggungjawab untuk semua masalah yang dihadapi oleh warga kota.

Walau bagaimanapun, DBKL seboleh-bolehnya tidak mahu bersikap lepas tangan. DBKL sebagai agensi kerajaan yang komited berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang diutarakan walaupun ianya bukan tanggungjawab DBKL untuk mengatasi masalah tersebut sekaligus mencari penyelesaiannya.

Di samping itu, kebanyakkan isu yang ditimbulkan ialah isu lama dan berulang. Seperti kes-kes yang lain yang biasa dihadapi oleh PBT, DBKL berusaha keras untuk menyelesaiannya setiap hari.

Unit Aduan Awam, DBKL menerima secara puratanya 3,500 aduan setiap bulan. Dalam tahun 2003, 4149 kes diterima di mana 57.4% dari jumlah ini berjaya diselesaikan. Aduan-aduan lain masih lagi sedang disiasat dan akan diselesaikan.

Sebaiknya yang selanjutnya dipraktikkan, masalah atau isu yang bukan milik DBKL akan dirujuk kepada agensi-agensi berkaitan untuk tindakan lanjut. Misalnya contohnya ada jalan berlubang yang hanya boleh dilampati selepas EWK atau PUAS membaiki paip-paip pecah milik mereka.

Sebaiknya pendekatan ‘Solution Kluang’ yang dipraktikkan DBKL mampu menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh orang ramai. Kerjasama rapat yang sedia terjalin di antara semua agensi kerajaan dan swasta serta warga kota akan membantu menyelesaikan masalah-masalah ini!

KENALI WAKIL RAKYAT ANDA

Susulan dari Parlimen Umum yang ke 11, terdapat Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai personaliti-personaliti berikut yang mewakili 10 buah unduk Kuala Lumpur di Parlimen. Mereka adalah:

YB TAN SENG GIAW

Kepong

YB NG LIP YONG @ NG LIP SAT

Batu

YB YEW TEONG LOOK

Wangsa Maju

YB TAN KEE KWONG

Segambut

YB ZULHASNAN RAFIQUE

Setiawangsa

YB ASTAMAM ABDUL AZIZ

Titiwangsa

YB FONG KUI LUN

Bukit Bintang

YB SHARIZAT ABDUL JALIL

Lembah Pantai

YB TERESA KOK SUH SIM

Seputeh

YB TAN KOK WAI

Cheras

YB TAN CHAI HO

Bandar Tun Razak

YB Tan Sri Hj Mohd Isa Bin Dato' Hj Abdul Samad, bekas Menteri Besar Negeri Sembilan telah dilantik menjadi Menteri bagi Kementerian Wilayah Persekutuan (termasuk Kuala Lumpur). Sementara, YB Dato' Zulhasnan Bin Mohd Rafique telah dilantik menjadi Timbalan Menteri dan YB Yew Teong Look sebagai Setiausaha Parlimen. YB Tengku Adnan Tengku Mansor telah menjadi ahli Parlimen yang pertama bagi kawasan Parlimen Putrajaya yang baru.

Berita Bandaraya mengucapkan tahniah kepada semua calon yang berjaya dan mengalu-alukan perlantikan YB Tan Sri Hj Mohd Isa, YB Zulhasnan dan YB Yew.

Ikuti profil YB Dato' Zulhasnan bin Mohd. Rafique dan YB Yew Teong Look pada keluaran akan datang.

YB DATO' SERI UTAMA TAN SRI HAJI MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD

Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya baru sahaja menerima Menteri yang baru untuk menerajui kementerian Wilayah Persekutuan, sebuah kementerian yang diwujudkan semula setelah dibubarkan pada tahun 1987. YB Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad, 54 telah dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan pada 27 Mac 2004 untuk mengepalai Kementerian Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab mengawal selia serta menyelaras kegiatan pembangunan di ketiga-tiga wilayah tersebut.



YB Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad mesra bila bertemu dengan warga kota. YB bersalaman dengan salah seorang warga kota pada Program Integrasi Masyarakat Wilayah persekutuan, Kuala Lumpur di padang Sentul Raya.

- Gambar Berita Bandaraya

Dilahirkan pada 14 November 1949 di Sungai Udang, Melaka mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Bagan Pinang, Port Dickson dan Sekolah Rendah Si Rusa, Gerison Port Dickson. Setelah tamat Tingkatan Tiga di Sekolah Tinggi Port Dickson, YB Tan Sri Hj. Mohd. Isa telah melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Alam Shah, Cheras, Kuala Lumpur dan menamatkan pengajian di Universiti Malaya pada tahun 1972.

Memulakan kerjaya pada tahun 1973 sebagai Guru di Sekolah Dato' Abdul Razak Seremban sebelum menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Linggi dan sebagai Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 1978. Pada tahun 1982 YB telah dipilih semula sebagai Ahli Undangan Linggi dan dilantik sebagai Menteri Esas Negeri Sembilan. Setelah berkhidmat selama 2 tahun sebagai Menteri Besar, kini beliau telah dilantik sebagai Menteri di Kementerian Wilayah Persekutuan selepas pilihan raya umum 2004.



YB Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad - Gambar Berita Bandaraya

Menteri yang berkelulusan dalam bidang Pengajian Melayu dan Diploma Pendidikan dari Universiti Malaya, berpengalaman luas dalam bidang politik dan pentadbiran. YB amat aktif dalam bidang sukan di mana YB merupakan Presiden Bola Sepak Negeri Sembilan sejak tahun 1982 dan Presiden Persekutuan Tinju Amatur Malaysia sejak tahun 1993.

YB Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad telah mendirikan rumah tangga dengan Puan Sri Hazizah bt. Haji Tumin dan dikuniakan empat cahayamata iaitu Mohamad Najib,26, Megawati,23, Lelawati, 20 dan Juhaida,15.



YB Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad bersama YB Dato' Zulhasnan Rafique, Timbalan Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan, Y.Bhg. Datuk Mohamad Shaid Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan YB Yew Teong Look, Setiausaha Parliment Kementerian Wilayah Persekutuan Look pada hari pertama kunjungan YB Tan Sri Hj. Mohd. Isa ke DBKL - Gambar Berita Bandaraya